

## PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

---

1. The Personal Data Protection Act 2010 (“**PDPA**”) requires an organization that processes personal data in a commercial transaction to comply with data protection principles, including to inform data subjects such as yourselves on the manner in which we process your personal data.
2. By signing the acknowledgement section of this Personal Data Protection Notice (“**Notice**”), you consent to UMW Corporation Sdn Bhd and its related and associate companies and affiliates (“**UMW**”) processing the following personal data as provided by you and/or a service provider engaged by UMW and/or obtained from public domains and/or credit rating agencies, credit reporting agencies and/or regulatory authorities and/or obtained through UMW’s website and/or obtained through events and functions that you attend and participate in and/or obtained through cookies from use of UMW’s website and/or when you contact UMW and/or when you fill up any of UMW’s forms or documents and/or obtained from CCTV recordings or security recordings (including images, photographs and video recordings) when you visit UMW’s premises. The personal data collected may include, but is not limited to personal data that relates to:
  - (i) your identity (including your name, age, ethnicity, NRIC number, passport details, work permit number, designation, gender, nationality, signature, professional experience, professional qualification and any identification documents);
  - (ii) your contact information (including your telephone and mobile number, fax number, email and business addresses);
  - (iii) your business information, financial information and banking account details;
  - (iv) your past experience in dealing with UMW;
  - (v) your past transactions with UMW;
  - (vi) CCTV recordings or security recordings (images, photographs and video recordings) of you;
  - (vii) recordings of your voice from calls made to UMW; and
  - (viii) any other personal data that you provide to us for the purpose of the commercial transaction between us.
3. We will process your personal data for the following purposes, if applicable:
  - (i) To facilitate your registration process as a contractor, consultant, supplier, vendor, and/or service provider with UMW;
  - (ii) Invitation for the submission of tenders and evaluation of the same;
  - (iii) Evaluation and assessment of your continued provisioning of services to UMW;
  - (iv) To maintain UMW’s and the UMW Group of Companies Procure to Pay database and any other service provider related portals and directories;
  - (v) Background and security screenings;
  - (vi) To extend invitations to events and activities of UMW and the UMW Group of Companies;
  - (vii) For UMW’s and the UMW Group of Companies business continuity management plans and procedure;
  - (viii) Preparation and execution of legal documents;
  - (ix) Payment, accounting and tax;
  - (x) Administrative and operational purposes;
  - (xi) Security and access within UMW;
  - (xii) Contact purposes;
  - (xiii) Investigating, reporting, preventing any (or potentially) fraudulent, criminal, prohibited and/or suspicious transaction or activity;
  - (xiv) To conduct due diligence and/or assessment for the purpose of deciding on whether to engage in a commercial transaction with you;
  - (xv) Evaluation of bids and/or proposals submitted during any tender exercise;
  - (xvi) To administer and give effect to the commercial transaction between us;
  - (xvii) For internal investigations, audit and/or security purposes;
  - (xviii) For the business, financial and risk monitoring, planning and decision making of UMW and the UMW Group of Companies;
  - (xix) For internal records management;
  - (xx) For the purpose of enforcing UMW’s legal rights and/or seeking legal advice;
  - (xxi) For research, statistical studies and/or data analysis;
  - (xxii) For compliance with laws and regulations;
  - (xxiii) To assess your creditworthiness;
  - (xxiv) For insurance purposes;
  - (xxv) Where you attend UMW’s and/or the UMW Group of Companies events or activities, for the publication of your pictures, testimonials, opinions, voice and/or video recordings captured during such events or activities in any media and material for UMW’s and/or the UMW Group of Companies promotional,

- marketing and publicity purposes;
- (xxvi) For the purpose of presenting UMW's website in the most effective manner;
- (xxvii) To facilitate your participation in events and/or activities of UMW and/or the UMW Group of Companies;
- (xxviii) For assessment in regards to the award of a project, contract and/or business venture applied for;
- (xxix) To respond to your comments, questions and requests;
- (xxx) For identification and verification purposes;
- (xxxi) To provide you with support services;
- (xxxii) To operate UMW's premises in a manner which is physically safe, secure and befitting of health and safety requirements;
- (xxxiii) To comply with UMW's legal and regulatory obligations in the conduct of its business;
- (xxxiv) For compliance with UMW's and the UMW Group of Companies internal policies;
- (xxxv) To enforce UMW's rights under the commercial transaction between us or other applicable laws , to defend UMW's rights under law and/or to obtain legal advice; and
- (xxxvi) For any other purpose that is incidental, ancillary or in furtherance to the above purposes.

The information is necessary to UMW. If you do not provide all the information as requested, we will not be able to keep your complete record of information, thus affecting UMW's ability to accomplish the above stated purposes.

For the avoidance of doubt "UMW Group of Companies" means all entities within the UMW Holdings Berhad group of companies including its related companies, subsidiaries, and associated companies.

#### 4. Sensitive information (if applicable)

By signing the acknowledgement section of this Notice, you give UMW your explicit consent to process your sensitive personal data such as your misconducts (if any) for the purposes described above or as required by law.

UMW may also obtain your sensitive personal information from other parties when it is allowed by law.

#### 5. Disclosure of information

UMW may disclose your personal data to the following parties (including those overseas):

- (i) Agents and service providers who provide services relating to the purposes for which the personal data is collected, including data processing services;
- (ii) Any person, who is under a duty of confidentiality and/or who has undertaken the responsibility to keep such data confidential;
- (iii) Any actual or proposed assignee, participant, sub-participant or transferee of any of UMW's rights or obligations;
- (iv) Entities within the UMW Group of Companies
- (v) Third parties appointed by UMW to provide services to UMW or on our behalf (including UMW's agents, professional advisors and other such service providers);
- (vi) Potential or actual purchasers, successors-in-title of the business or share (wholly or in part) of UMW (including their advisers and representatives) as a result of a potential, proposed or actual sale of business, disposal, acquisition, merger or re-organization; and
- (vii) Other parties, in respect of whom you have consented to the disclosure of your personal data.

UMW does not disclose your personal data to unaffiliated third parties without your consent. However, UMW may disclose your personal data in good faith, if such action is necessary to comply with any government, law enforcement agency and industry regulators' requirements, court orders or legal processes, or if required by law.

#### 6. Cookies

When visiting UMW's websites, cookies, which is a text file placed into the memory of your computer, may be used. UMW may be able to use these cookies to identify you through collection of the following information during your visit to UMW websites and / or the fully qualified domain name from which you accessed UMW's site, or alternatively, through your internet protocol ("IP") address:

- (i) the date and time in which you accessed UMW's website;
- (ii) the URL of any webpage from which you accessed UMW's website; and
- (iii) the web browser which you are using and the pages which you have accessed.

UMW's website may require you to provide a limited amount of information in order to obtain the services you requested and to enable UMW to respond to your messages and requests. Any personal data provided will be used for its intended purpose only i.e. to respond to your request for services, your messages and requests.

## 7. **Links to other sites**

Links to other sites may be provided on UMW's website for your convenience and information. These sites may have their own privacy statement and UMW does not control, recommend or endorse these sites and UMW will not be held responsible for these sites or their contents. As such, UMW encourages you to read the privacy policies and terms of usage of these sites prior to assessing these sites.

## 8. **Access, corrections and complaints**

If you would like to make any inquiries or complaints or requests to access, correct or limit our processing of your personal data, you may contact UMW's *Personal Data personnel, Group Procurement at 03-2025 2025* (from 9 a.m. to 5 p.m. on a working day and excludes public holidays) or [ptp.procurement@umw.com.my](mailto:ptp.procurement@umw.com.my) Where you elect to contact UMW via telephone, please also send UMW an e-mail for UMW's verification and record purposes. UMW shall proceed to address your concerns as soon as practicable upon receipt of your request. Any request for access or correction of personal data may subject to a fee and will be subject to the prevailing data protection laws in Malaysia.

In the event of any inconsistencies between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail.

Please note that any variation to this Notice shall be communicated to you through suitable modes of communication.

## NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

---

1. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**PDPA**") menghendaki sesebuah organisasi yang memproses data peribadi dalam transaksi komersial untuk mematuhi prinsip-prinsip perlindungan data, termasuklah memaklumkan kepada subjek data seperti anda mengenai cara-cara kami memproses data peribadi anda.
2. Dengan menandatangani bahagian pengakuan Notis Perlindungan Data Peribadi ini ("**Notis**"), anda bersetuju untuk UMW Corporation Sdn Bhd dan syarikat-syarikat berkaitan dan berkenaan dan bersekutu dengannya ("**UMW**") memproses data peribadi berikut seperti yang disediakan oleh anda dan/atau diperolehi daripada pembekal perkhidmatan yang dilantik oleh UMW dan/atau diperolehi daripada domain awam dan/atau agensi penarafan kredit, agensi pelaporan kredit dan/atau pihak berkuasa dan/atau diperolehi melalui laman web UMW dan/atau diperolehi melalui acara dan majlis yang anda hadiri dan mengambil bahagian dalam dan/atau diperolehi melalui *cookies* daripada penggunaan laman web UMW dan/atau apabila anda menghubungi UMW dan/atau apabila anda mengisi mana-mana borang atau dokumen UMW dan/atau diperolehi daripada rakaman CCTV atau rakaman sekuriti (termasuk imej, gambar-gambar dan rakaman video) apabila anda melawat premis UMW. Data peribadi yang dikumpulkan boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada data peribadi yang berkaitan dengan:
  - (i) identiti anda (termasuk nama, umur, etnik, nombor kad pengenalan, butir-butir passport, nombor permit kerja, jawatan, jantina, kewarganegaraan, tandatangan, pengalaman profesional, kelayakan profesional dan apa-apa dokumen pengenalan);
  - (ii) maklumat perhubungan anda (termasuk nombor telefon dan telefon bimbit, nombor faks, alamat emel dan alamat perniagaan);
  - (iii) maklumat perniagaan, maklumat kewangan dan butir-butir akaun bank anda;
  - (iv) pengalaman lalu anda dalam berurusan dengan UMW;
  - (v) urusan masa lalu anda dengan UMW;
  - (vi) rakaman CCTV atau rakaman sekuriti (imej, gambar-gambar dan rakaman video) anda;
  - (vii) rakaman suara anda daripada panggilan yang dibuat kepada UMW; dan
  - (viii) apa-apa data peribadi lain yang anda berikan kepada kami untuk tujuan transaksi komersial di antara kita.
3. Kami akan memproses data peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut, jika berkenaan:
  - (i) Untuk memudahkan proses pendaftaran anda sebagai kontraktor, konsultan, pembekal, "vendor", dan / atau pembekal perkhidmatan dengan UMW;
  - (ii) Jemputan untuk mengemukakan tender dan penilaian bagi tender;
  - (iii) Menilai dan menaksirkan pembekalan perkhidmatan anda yang berterusan kepada UMW;
  - (iv) Untuk mengekalkan pangkalan data *Procure to Pay* UMW dan Kumpulan Syarikat-Syarikat UMW dan mana-mana portal dan direktori lain yang berkaitan dengan pembekal perkhidmatan;
  - (v) Pemeriksaan latar belakang dan sekuriti;
  - (vi) Untuk melanjutkan jemputan untuk acara-acara dan aktiviti UMW dan Kumpulan Syarikat-Syarikat UMW;
  - (vii) Untuk pelan dan prosedur pengurusan penerusan perniagaan (*business continuity management*) UMW dan Kumpulan Syarikat-Syarikat UMW;
  - (viii) Penyediaan dan pelaksanaan dokumen undang-undang;
  - (ix) Pembayaran, perakaunan dan percukaian;
  - (x) Untuk tujuan pentadbiran dan operasi;
  - (xi) Keselamatan dan akses dalam UMW;
  - (xii) Tujuan perhubungan;
  - (xiii) Menyiasat, melapor, mencegah apa-apa (atau yang berpotensi) urusan niaga atau aktiviti penipuan, jenayah, yang dilarang dan/atau yang mencurigakan;
  - (xiv) Untuk menjalankan usaha wajar (*due diligence*) dan/atau penilaian bagi tujuan menentukan sama ada untuk terlibat dalam transaksi komersial dengan anda;
  - (xv) Penilaian tawaran dan / atau cadangan yang dikemukakan dalam mana-mana tender;
  - (xvi) Mentadbir dan melaksanakan transaksi komersial di antara kita;
  - (xvii) Bagi penyiasatan dalaman, audit dan / atau tujuan sekuriti;
  - (xviii) Untuk pemantauan perniagaan, kewangan dan risiko, perancangan dan proses membuat keputusan UMW dan Kumpulan Syarikat-Syarikat UMW;
  - (xix) Untuk pengurusan rekod dalaman;
  - (xx) Untuk menguatkuasakan hak UMW di bawah undang-undang dan/atau mendapatkan nasihat guaman;
  - (xxi) Bagi penyelidikan, kajian statistik dan/atau analisa data;
  - (xxii) Bagi mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan;
  - (xxiii) Untuk menilai kedudukan kredit anda;

- (xxiv) Untuk tujuan insurans;
- (xxv) Di mana anda menghadiri apa-apa acara atau aktiviti UMW dan/atau Kumpulan Syarikat-Syarikat UMW, untuk penerbitan gambar, testimoni, pendapat, rakaman suara dan / atau video anda yang diambil semasa acara atau aktiviti itu, dalam mana-mana media dan bahan-bahan untuk digunakan oleh UMW dan/atau Kumpulan Syarikat-Syarikat UMW untuk tujuan-tujuan promosi, pemasaran dan publisiti;
- (xxvi) Untuk tujuan pembentangan laman web UMW dengan cara yang paling berkesan;
- (xxvii) Untuk memudahkan penyertaan anda dalam acara-acara dan/atau aktiviti-aktiviti UMW dan/atau Kumpulan Syarikat-Syarikat UMW;
- (xxviii) Untuk penilaian dalam hal penganugerahan projek, kontrak dan/atau usahasama perniagaan yang dipohon;
- (xxix) Untuk bertindak balas kepada komen, soalan dan permintaan anda;
- (xxx) Bagi tujuan pengenalan dan pengesahan;
- (xxxi) Untuk menyediakan anda dengan perkhidmatan sokongan;
- (xxxii) Untuk mengendalikakan premis UMW dengan cara yang selamat secara fizikal dan bersesuaian dengan keperluan kesihatan dan keselamatan;
- (xxxiii) Untuk mematuhi kehendak undang-undang dan peraturan dalam UMW menjalani perniagaannya;
- (xxxiv) Untuk mematuhi polisi dalaman UMW dan/atau Kumpulan Syarikat-Syarikat UMW;
- (xxxv) Menguatkuasakan hak UMW di bawah transaksi komersial antara kita atau undang-undang lain yang berkaitan, untuk mempertahankan hak-hak UMW di bawah undang-undang dan / atau untuk mendapatkan nasihat guaman; dan
- (xxxvi) Bagi apa-apa tujuan lain yang bersampingan, berdampingan atau selanjutan dengan tujuan di atas.

Maklumat ini perlu untuk UMW. Sekiranya anda gagal untuk menyediakan semua maklumat yang diminta, kami tidak dapat menyimpan rekod yang lengkap mengenai anda, dan ini akan menjejaskan keupayaan UMW untuk mencapai tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas.

Bagi mengelakkan apa-apa keraguan “Kumpulan Syarikat-Syarikat UMW” bermaksud semua entiti dalam kumpulan UMW Holdings Berhad termasuk syarikat-syarikat berkaitan, anak syarikat, dan syarikat-syarikat bersekutu.

#### 4. Maklumat sensitif (jika berkenaan)

Dengan menandatangani bahagian pengakuan Notis ini, anda memberikan UMW persetujuan nyata anda untuk memproses data peribadi sensitif anda seperti salah laku anda (jika ada) bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas atau seperti yang diperlukan oleh undang-undang.

UMW juga mungkin akan mendapatkan maklumat sensitif anda daripada pihak-pihak lain apabila ia dibenarkan di bawah undang-undang

#### 5. Penzahiran maklumat anda

UMW mungkin menzahirkan data peribadi anda kepada pihak-pihak berikut (termasuk yang berada di luar negara):

- (i) Ejen-ejen dan pembekal-pembekal perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan tujuan data peribadi dikumpul, termasuklah perkhidmatan-perkhidmatan pemprosesan data;
- (ii) Mana-mana individu di bawah kewajipan kerahsiaan dan/atau yang telah mengaku janji untuk memastikan data tersebut dirahsiakan;
- (iii) Mana-mana pemegang serah hak sebenar atau berpotensi, peserta, sub-peserta (“sub-participant”) atau penerima pindahan bagi mana-mana hak atau obligasi UMW;
- (iv) Entiti dalam Kumpulan Syarikat-Syarikat UMW;
- (v) Pihak ketiga yang dilantik oleh UMW untuk menyediakan perkhidmatan kepada UMW atau bagi pihak kami (termasuk ejen-ejen, penasihat-penasihat profesional, dan pembekal-pembekal perkhidmatan lain seperti itu );
- (vi) Pembeli potensi atau pembeli yang sebenar, pengganti dalam hakmilik perniagaan atau saham (keseluruhannya atau sebahagian) UMW (termasuk penasihat dan wakil-wakil mereka) akibat kemungkinan, cadangan atau jualan perniagaan sebenar, pelupusan, pemerolehan, penggabungan atau pengorganisasian semula; dan
- (vii) Pihak-pihak lain, yang anda telah memberikan persetujuan untuk menzahirkan data peribadi anda.

UMW tidak akan menzahirkan data peribadi anda kepada pihak-pihak ketiga yang tidak berkaitan tanpa persetujuan anda. Walau bagaimanapun, UMW mungkin akan menzahirkan data peribadi anda secara suci hati, jika dikehendaki untuk mematuhi keperluan mana-mana kerajaan, agensi penguatkuasaan undang-undang dan keperluan pengawal selia industri, perintah mahkamah atau proses undang-undang, atau jika dikehendaki oleh undang-undang.

## 6. Cookies

Ketika melawat laman-laman web UMW, *cookies*, iaitu fail teks yang terletak di dalam memori komputer anda, mungkin digunakan. UMW mungkin boleh menggunakan *cookies* untuk mengenalpasti anda melalui pengumpulan maklumat berikut semasa anda melawat laman web UMW dan / atau nama domain yang layak sepenuhnya (*fully qualified domain name*) dari mana anda melayari laman web UMW, atau sebagai alternatif, melalui alamat protokol internet anda ("IP"):

- (i) tarikh dan masa di mana anda melayari laman web UMW;
- (ii) mana-mana URL laman web dari mana anda melayari laman web UMW; dan
- (iii) pelayar web yang anda gunakan dan halaman yang telah anda akses.

Laman web UMW mungkin memerlukan anda untuk memberikan sejumlah maklumat yang terhad untuk mendapatkan perkhidmatan yang anda minta dan untuk membolehkan UMW memberikan respons kepada pesanan-pesanan dan permintaan-permintaan anda. Apa-apa data peribadi yang diberikan akan digunakan untuk tujuan yang dimaksudkan sahaja, iaitu untuk memberikan respons kepada permintaan anda untuk perkhidmatan-perkhidmatan, pesanan-pesanan dan permintaan-permintaan anda.

## 7. Pautan ke laman web lain

Pautan ke laman web lain mungkin disediakan di laman web UMW untuk kemudahan dan maklumat anda. Laman-laman ini mungkin mempunyai pernyataan privasi tersendiri dan UMW tidak mengawal, mengesyorkan atau menyokong laman-laman ini dan UMW tidak akan bertanggungjawab bagi laman-laman ini atau kandungannya. Oleh itu, UMW menggalakkan anda untuk membaca polisi privasi dan terma-terma penggunaan laman-laman ini sebelum mengakses laman-laman web tersebut.

## 8. Akses, Pembedulan dan Aduan

Jika anda ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan atau permohonan untuk mengakses membetulkan atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda, anda boleh menghubungi *Personal Data personnel, Group Procurement* UMW di 03-2025 2025 (dari 9 a.m. ke 5 p.m. pada hari bekerja dan tidak termasuk cuti am) atau [ptp.procurement@umw.com.my](mailto:ptp.procurement@umw.com.my) Di mana anda memilih untuk menghubungi UMW melalui telefon, sila juga menghantar e-mel kepada UMW untuk pengesahan dan tujuan rekod UMW. UMW akan terus menangani isu anda secepat yang dapat dilaksanakan selepas menerima permintaan anda. Apa-apa permintaan untuk akses atau pembedulan data peribadi mungkin dikenakan bayaran dan akan tertakluk kepada undang-undang perlindungan data yang berkuatkuasa di Malaysia.

Sekiranya berlaku sebarang percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Sila ambil perhatian bahawa apa-apa perubahan kepada Notis ini akan disampaikan kepada anda melalui kaedah komunikasi yang sesuai.